

KERATAN AKHBAR



AKHBAR	:	BERITA HARIAN
TARIKH	:	5/4/2017
JABATAN	:	JABATAN PERHUTANAN
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Dituduh terima suapan kelulusan membalok

➔ Bekas Pengarah Jabatan Perhutanan Terengganu didakwa kes rasuah RM60,000

Oleh Hanneeyzah Bariah Baharin
hanneeyzah@bh.com.my

Kuala Terengganu

Bekas Pengarah Jabatan Perhutanan Terengganu, Datuk Azmi Nordin mengaku tidak bersalah dan meminta dibicarakan di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tiga pertuduhan menerima rasuah keseluruhan berjumlah RM60,000 pada Mac hingga Ogos 2013.

Tertuduh berusia 58 tahun yang ketika ini bertugas sebagai Pengarah Bahagian Sivikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Jabatan Hutan Semenanjung membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mohammad Haldar Abdul Aziz.

Bagi pertuduhan pertama, Azmi didakwa menerima RM30,000 daripada kontraktor

balak, Yew Keong Fah, 49, di Malayan Banking Berhad cawangan Kuala Terengganu pada 3 Mac 2013.

Pertuduhan kedua pula, Azmi didakwa menerima suapan daripada individu sama berjumlah RM20,000 di Bank Islam Malaysia Berhad cawangan Kuala Terengganu pada 16 Jun 2013, manakala pertuduhan ketiga, dia didakwa menerima RM10,000 daripada individu sama di lokasi sama pada 13 Ogos 2013.

Tertuduh didakwa menerima suapan itu untuk memberi kelulusan membalok kepada Syarikat Ciri Bina Machinery & Hardware Sdn Bhd di Komanpartmen 36b dan 40a, Hutan Simpan Hulu Terengganu.

Mohammad Haldar kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM15,000 dan menetapkan 8 Mei ini sebagai tarikh sebutan semula kes.



Azmi (tengah) diiringi pegawai SPRM dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu atas tiga pertuduhan menerima rasuah, semalam.